

Headline **Paip lama punca masalah air di UUM**
Date **22 Apr 2011**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **N6**
Article Size **145 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **798**
PRValue **2,393**



● Phahrolrazi (dua, kiri) menyerahkan sijil gred B kepada premis yang berjaya memperoleh tahap kebersihan memuaskan.

Paip lama punca masalah air di UUM

ALOR SETAR - Universiti Utara Malaysia (UUM) antara kawasan mengalami kadar kehilangan air (non revenue water (NRW), yang tinggi iaitu sekitar 43 peratus, berikutan kebocoran saluran paip dipasang lebih 20 tahun lalu, selain penyelenggaraan minimum terhadap infrastruktur bekalan air.

Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kerja Raya, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga, Datuk Ir Phahrolrazi Zawawi berkata, UUM atau Kementerian Pengajian Tinggi perlu segera menaik taraf infrastruktur bekalan air di universiti itu kerana itulah satu-satunya jalan penyelesaian mengatasi masalah

yang berlarutan sejak sekian lama.

"Bekalan air oleh Syarikat Air Darul Aman (Sada) ke UUM adalah mencukupi. Masalah gangguan bekalan air dialami UUM adalah disebabkan infrastruktur yang menyokong penyaluran dalam kampus tidak pernah dinaik taraf sejak kampus itu dibina," katanya.

Menurutnya, Sada membekalkan 15 juta liter air sehari ke UUM dan bekalan ini mencukupi untuk menampung keperluan air ke kampus itu.

Namun, disebabkan keadaan infrastruktur dalaman yang teruk di UUM, bekalan air dibekalkan mengalami ketirisan atau NRW.